

U .PB 06-11 00202 PW107

BAH DEM

UMNO - Reaksi

MAHATHIR BERPANDANGAN JAUH, KATA PEMIMPIN POLITIK

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Tokoh-tokoh politik yang mengikuti Perhimpunan Agung UMNO 1992 di sini hari ini sependapat bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah seorang pemimpin berpandangan jauh yang sentiasa memikirkan perpaduan, keamanan dan kemajuan negara.

Mereka percaya **saranan**, teguran dan pandangan Dr Mahathir ketika merasmikan perhimpunan itu lahir daripad'a keinsafan seorang pemimpin yang benar-benar ingin melihat kaum Bumiputera maju seiring dengan kaum-kaum lain dan **sekali gus** menjadikan Malaysia sebuah negara yang disegani.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, ucapan dasar Dr Mahathir antara lain jelas menunjukkan resepi kejayaan **bagi** mewujudkan usahawan Bumiputera yang berjaya berdasarkan kemampuan dan keupayaan mereka sendiri.

Ucapan itu menghalakan arah haluan pengwujudan masyarakat- Bumiputera dalam bidang industri dan perdagangan yang mampu bersaing dengan **bangsa** lain di **pasaran** tempatan dan antarabangsa.

Rafidah, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyimpulkan bahawa ucapan dasar itu menekankan **pentingnya** perpaduan umat Islam di negara ini untuk memajukan diri dan membetulkan penglibatan dalam bidang ekonomi dan prestasi dalam politik dgnr mereka tidak tercicir daripada kemajuan yang diinginkan selaras dengan matlamat wawasan 2020. -- Lagi.

▼06/11/15-50MST

U PB 06-11 00165 PW108

BAH DEM

UMNO - Reaksi 2 Kuala Lumpur

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Haji Mohamad Isa Abdul Samad berkata, ucapan dasar itu menjelaskan pandangan kerajaan yang dipimpin UMNO tentang penglibatan Bumiputera dalam lapangan **perniagaan** dan perdagangan, mengenai **Islam dan amalan nilai-nilai** baik oleh **seluruh** rakyat.

Walaupun ketiga-tiga perkara itu saling **berkaitan**, yang paling perlu ditekankan ialah **amalan nilai-nilai** baik terutama oleh **umat Islam** dan masyarakat Bumiputera keseluruhannya untuk menentukan kejayaan **pada** masa **depan**.

Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ketegasan Dr Mahathir mengenai isu ekonomi menunjukkan keprihatinan pihak-kepimpinan terhadap pentingnya pembangunan **masyarakat Melayu** supaya mereka tidak ketinggalan.

Katanya, setiap **anggota** perlu mengukuhkan UMNO kerana perjuangan **parti** lebih penting daripada kepentingan diri sendiri.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang juga Presiden MCA berkata, **nasihat-nasihat** yang diberikan Perdana Menteri dalam ucapannya, selama lebih sejam itu bukan sahaja **amat** berguna kepnda **anggota UMNO** tetapi juga rakyat di seluruh negara. -- Lagi.

▼06/11/15-52MST

U PB 06-11 00167 PW109
BAH DEM
UMNO - Reaksi 3 Kuala Lumpur

Dr Ling berkata, intipati ucapan tersebut begitu jelas memberi penekanan kepada keamanan, kemajuan dan perpaduan, yang begitu penting bagi meingkatkan pembangunan negara sentiasa terjamin dan berterusan.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Kheng Yaik pula berkata, gesaan Perdana Menteri agar Bumiputera menyerap teknologi baru dalam perniagaan, sudah kepada masanya dan perlu diiktiraf.

Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, pengiktirafan itu penting untuk memastikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan semua pihak perlu memperolehi bahagian masing-masing.

Naib Presiden UMNO, Datuk Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan ucapan Presiden itu sebagai panduan yang baik untuk perpaduan dan kemajuan orang Melayu pada masa depan.

Beliau berkata, Perdana Menteri telah mengingatkan orang Melayu tentang bahayanya kewujudan kumpulan agama yang terlalu taksab dengan kepentingan kumpulan sehingga mengabaikan kepentingan bersama.

Abdullah berkata, anggota UMNO perlu mengambil kira peringatan Dr Mahathir supaya mereka tidak menggunakan taktik yang tidak sihat untuk mendapatkan jawatan dalam parti. -- Lagi.

▼06/11/15-53MST

CNS9949
U PB 06-11 00221 PW110
BAH DEM
UMNO - Reaksi 4 (Akhir) Kuala Lumpur

'Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, ucapan Dr Mahathir yang mahu anggota UMNO bersatu bukan sahaja merupakan satu peringatan kepada anggotanya tetapi juga kepada anggota parti-parti politik lain di negara ini demi untuk kemajuan negara dan rakyat.

Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie berkata, ucapan Presiden UMNO itu memang tepat sekali dan daripada segi ekonomi, memang wajar kaum Bumiputera di negara ini menukar sikap, budaya dan persepsi mereka sekiranya mahu maju.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, nasihat Perdana Menteri supaya Bumiputera memberi penekanan kepada saiz perniagaan yang lebih besar dan etika kerja yang positif dalam bidang itu merupakan arah haluan baru yang cuba diketengahkan Dr Mahathir.

Sambil menyatakan sokongan Pergerakan Pemuda UMNO kepada nasihat itu, beliau berkata, penekanan kepada saiz dan etika tersebut boleh menentukan kejayaan Bumiputera sendiri.

Pengerusi Kelab UMNO Pakistan, Zamzury Che Mohamad pula berkata, amaran Dr Mahathir mengenai bahaya politik wang amat dipersetujuinya dan pemimpin yang mendapat jawatan kerana wang sepatutnya merasa malu kepada diri sendiri dan pengikutnya.

Timbalan Presiden Kelab UMNO Australia, Nazarudin Masat berkata, ucapan Perdana Menteri itu sepatutnya membuka fikiran semua masyarakat di negara ini, terutamanya orang Melayu untuk meneruskan era kegemilangan Malaysia. -- Bernama.

▼06/11/15-57MST